



## TEKS UCAPAN

**TYT TUN DATO 'SERI UTAMA AHMAD FUZI BIN HAJI ABDUL RAZAK,  
YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG**

**MAJLIS PERSAMIAN PENANG ISLAMIC DIGITAL LIBRARY (PIDL)  
DAN AL HADY CENTRE (AHC)  
SERTA SAMBUTAN JUBLI PERAK KITAB**

**PADA 26 MEI 2022 (KHAMIS) JAM 9:00 PAGI  
BERTEMPAT DI KITAB, PULAU PINANG**

*Bismillahirahmanirrahim*

**YAB Tuan Chow Kon Yeow**

Ketua Menteri Pulau Pinang

**YB Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin bin Haji Abd. Rahman**

Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang, merangkap

Yang di Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang

**YB Dato' Dr Ahmad Jailani bin Muhamed Yunus**

Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang

**YB Dato' Dr Mohamad Farazi bin Johari**

Pegawai Kewangan Negeri Pulau Pinang

**YBhg Dr Roslan bin Ahmad**

Pengerusi Lembaga Pengarah KITAB Pulau Pinang

**Yang Berusaha Profesor Dr Mohamad bin Abdul Hamid**

Rektor KITAB Pulau Pinang

YB Ahli-Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri,

Ahli-Ahli Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang

Ketua-Ketua Jabatan

YBhg Dato'-Dato', Datin-Datin

Tuan-tuan, puan-puan

Serta hadirin dan hadirat sekalian.

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan Salam Sejahtera.

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya juga, kita dapat berkumpul sempena Majlis Perasmian Penang Islamic Digital Library (PIDL) dan Al-Hady Centre serta Sambutan Jubli Perak Kolej Islam Teknologi Antarabangsa (KITAB) Pulau Pinang.
2. Semoga majlis kita pada hari ini yang masih di dalam bulan Syawal yang merupakan “Bulan Kemenangan” setelah kita berpuasa selama sebulan di bulan Ramadhan yang lalu diberkati, diredhai dan diterima sebagai amal soleh oleh Allah SWT.
3. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dan Kolej Islam Teknologi Antarabangsa (KITAB) Pulau Pinang atas usahasama bagi menzahirkan hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam merealisasikan mercu tanda pendidikan Islam yang julung kalinya kepada warga Pulau Pinang iaitu Penang Islamic Digital Library (PIDL) – Perpustakaan Digital Islam Pulau Pinang dan AlHady Centre – Pusat Kajian Pemikiran dan Ketamadunan Islam Negeri Pulau Pinang.

4. Penubuhan PIDL di bawah kendalian KITAB ini yang merupakan Institusi Pengajian Tinggi Islam milik penuh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang akan menjadi platform terbaik bagi menyalurkan ilmu dan maklumat dalam pelbagai bidang terutamanya Sains Islam kepada seluruh masyarakat dalam bentuk Digital.
5. Di samping itu, PIDL tentunya menjadi saluran terbaik dalam memperkasa aspirasi kerajaan negeri meningkatkan aksesibiliti dan ekuiti ke arah melahirkan ‘komuniti pintar’ dan membangunkan masyarakat berilmu.
6. Saya juga yakin usaha yang berterusan dan sokongan Kerajaan Negeri dan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) terhadap Kolej Islam Teknologi Antarabangsa (KITAB) Pulau Pinang dalam merealisasikan PIDL amat bertepatan dalam melahirkan modal insan yang berilmu, berkemahiran, berintegriti, beretika tinggi, berkualiti serta berdaya saing yang mampu menjadi pemangkin pembangunan negeri dalam mencapai matlamat Pulau Pinang sebagai sebuah Negeri Pintar menjelang tahun 2030.

7. Dengan adanya PIDL ini, pelaksanaan Negeri Pintar ini juga diharapkan akan melahirkan lebih ramai penduduk Pulau Pinang yang mahir dengan penggunaan ICT seterusnya membentuk generasi pintar yang berupaya meningkatkan hubungan sosial yang lebih makmur.

Hadirin hadirat yang saya hormati sekalian,

8. Pembangunan negara yang kukuh terletak kepada kejayaan kita melahirkan modal insan berkualiti yang memenuhi ciri keperluan abad ke-21. KITAB yang merupakan satu-satunya institusi pengajian tinggi Islam di Pulau Pinang haruslah menggunakan pendekatan-pendekatan terbaru untuk membangunkan modal insan yang benar-benar berketrampilan dan menyumbang kepada masyarakat, pembangunan serta kemajuan negara. Maka amat bertepatanlah keputusan Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang memposisikan PIDL ini di bawah kendalian KITAB.

9. Kewujudan PIDL ini diharapkan akan menjadi sumber rujukan utama para pensyarah, guru dan pelajar dari pelbagai institusi pengajian tinggi dan sekolah, semua lapisan masyarakat serta seluruh golongan profesional bukan sahaja di Negeri Pulau Pinang malahan merentasi negeri-negeri lain di Malaysia kerana ia boleh di akses melalui capaian internet dan aplikasi PIDL secara dalam talian.

10. PIDL juga boleh menjadi sumber pengukuhan proses pembelajaran dan pengajaran dengan memanfaatkan kemajuan teknologi yang ada supaya pembelajaran akan menjadi lebih inovatif, kreatif dan *attractive*.

11. Selain itu, tarikan pengunjung ke PIDL di KITAB ini adalah melalui penyediaan kemudahan dan fasiliti yang kondusif dan selesa yang terletak di Kompleks Masjid Negeri Pulau Pinang.

Hadirin dan Hadirat sekalian,

12. Selain itu, penubuhan Al-Hady Centre oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang merupakan sebuah Pusat Kajian Pemikiran dan Ketamadunan Islam Negeri Pulau Pinang yang mempu mengintegrasikan pemikiran dan ketamadunan bagi tujuan penyelidikan dalam bidang Politik, Ekonomi, Sosial dan Sains & Teknologi dari perspektif Islam.

13. Saya percaya penubuhan Pusat kajian ini, sempena nama seorang Tokoh Pembaharuan Pendidikan Terkemuka di Negeri Pulau Pinang suatu ketika dahulu, Syed Syeikh Al-Hady, adalah selari dengan Visi dan Misi Khaira Ummah 2030, iaitu mempersiap dan memberdayakan umat Islam yang terbaik untuk Pulau Pinang menerusi program Pembangunan Keilmuan.

14. Selain daripada pengajaran yang menjadi teras utama dalam ekosistem institusi pendidikan tinggi, penyelidikan juga perlu dilaksanakan secara berterusan dan lebih agresif. Adalah menjadi harapan saya agar Al-Hady Centre ini akan menjadi pemangkin bidang penyelidikan, pemikiran dan ketamadunan Islam Negeri Pulau Pinang dan seterusnya meluaskan dan menyemarakkan lagi penyebaran ilmu serta pendidikan Islam di seluruh negara.

Sidang hadirin sekalian,

15. Saya yakin PIDL dan Al-Hady Centre akan menjadi mercu tanda baharu negeri Pulau Pinang yang diposisikan di satu-satunya IPT Islam di Pulau Pinang milik penuh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP).

16. Mercu tanda ini melambangkan keintelektualan ke arah sebuah IPT Islam yang terunggul di Pulau Pinang. KITAB yang dahulunya bermula sebagai sebuah Maahad Tahfiz akan meneruskan usaha dan menyambung susur galur sejarah Pendidikan Islam yang telah lama bertapak di negeri ini.
17. KITAB juga akan terus mengarus perdanakan pengajian Islam yang sedia ada dengan menyediakan pendidikan berteraskan Islam melalui pendekatan integrasi Ilmu pengetahuan (Integration of Knowledge) secara formal dengan menyediakan program-program yang telah mendapat pengiktirafan di Malaysia dan antarabangsa.
18. Saya yakin, PIDL dan al-Hady Centre akan menjadi lambang kebersamaan Kerajaan Negeri dan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang melalui KITAB ke arah usaha melahirkan masyarakat yang berpengetahuan sejajar dengan usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengujudkan Gagasan Khaira Ummah 2030.

19. Penubuhan PIDL dan al-Hady Centre yang bertapak di sini merupakan satu simbol gabungan intitusi institusi berkenaan iaitu, Masjid Negeri Pulau Pinang, Penang Islamic Digital Library, AlHady Centre dan KITAB jelas dapat menghasilkan Kompleks Pengurusan Islamik yang bakal mencetuskan masyarakat yang celik digital yang bukan sahaja menjadi kebanggaan kepada umat Islam, bahkan seluruh warga Pulau Pinang.

20. Saya percaya perkembangan ini dapat memberi momentum yang amat baik untuk KITAB mengorak langkah ke arah penubuhan sebuah Universiti Islam di Bandar Cassia, Batu Kawan Pulau Pinang yang berasaskan wakaf, melalui kerjasama dengan universiti-universiti luar negara menjelang 2030, Insha Allah.

21. Justeru, tahniah saya ucapan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang terutamanya melalui Zakat Pulau Pinang yang menjadi tulang belakang kapada KITAB selama 25 tahun ini sejak penubuhan Ma'ahad Tahfiz Negeri Pulau Pinang pada tahun 1995, serta yang terbaharu, penerokaan Wakaf melalui kerjasama strategik bersama Wakaf Pulau Pinang yang telah dapat memperkasakan Pendidikan Tinggi Islam di Negeri ini.

22. Saya juga mengucap syabas dan tahniah kapada KITAB diatas sambutan Jubli Perak pada tahun 2020 yang terpaksa ditangguhkan berikutan penularan wabak Covid-19 yang melanda negara kita dan dunia.

23. Akhir kata, saya mengharapkan agar PIDL dan Al-Hady Centre ini akan dimanfaatkan sepenuhnya oleh seluruh rakyat Pulau Pinang khususnya dan Malaysia amnya dan Negeri ini akan terus melahirkan modal insan yang berkemahiran, berbakat, fleksibel dan berdaya tahan, bersesuaian dengan perubahan persekitaran.

24. Dengan lafaz *Bismillahirahmanirrahim*, saya merasmikan Penang Islamic Digital Library dan Al-Hady Centre sekaligus melancarkan Sambutan Jubli Perak Kolej Islam Teknologi Antarabangsa (KITAB) Pulau Pinang.

Sekian, terima kasih.

*Wabillahitaufik Walhidayah,*

*Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*